



**FINAL EXAMINATION /PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER 1 – SESSION 2017 / 2018  
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : UHAS 1172  
KOD KURSUS

COURSE NAME : MALAYSIA DYNAMIC  
NAMA KURSUS DINAMIKA MALAYSIA

YEAR / PROGRAMME : 1 (ONE)  
TAHUN / PROGRAM 1 (SATU)

DURATION : 2 HOURS / 2 JAM  
TEMPOH

DATE : OCTOBER /NOVEMBER 2017  
TARIKH

INSTRUCTION/ARAHAN :

- i) Answer **ALL** questions in the **OMR** form provided.  
*Jawab **SEMUA** soalan di dalam borang **OMR** yang disediakan.*
- ii) Answer **ALL** questions in the answer booklet(s) provided.  
*Jawab **SEMUA** soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.*

( You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script )

( Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah pada skrip jawapan )

STUDENT'S NAME / NAMA PELAJAR	:	.....
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:	.....
YEAR / PROGRAMME TAHUN / PROGRAM	:	.....
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:	.....
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:	.....

This examination paper consists of **17** pages including the cover  
*Kertas soalan ini mengandungi **17** muka surat termasuk kulit hadapan*



## PUSAT PROGRAM KERJASAMA

### PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK ARAHAN AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK

#### 1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN

- 1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-
  - 1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
  - 1.1.2 menggunakan makluman yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
  - 1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
  - 1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

#### 2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN

- 2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-
  - 2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
  - 2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.
- 2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.
- 2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadang untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

**Bahagian A : (40 Markah)**

Jawab Semua Soalan di dalam borang OMR yang disediakan

1. Dalam Perkara 4 (1) memperuntukkan Perlembagaan Persekutuan ialah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan berlawanan dengan perlembagaan ini terbatal sejauh mana ia berlawanan. Inilah yang dikatakan sebagai:
  - A. Negara yang berdaulat
  - B. Perlembagaan Malaysia
  - C. Keluhuran Perlembagaan
  - D. Keluhuran dan kedaulatan
2. Berdasarkan petikan di bawah, ianya merujuk kepada:
  - meliputi catatan dokumen
  - Menjadi rujukan apabila berlaku percanggahan undang-undang antara negeri dengan persekutuan
  - A. Perlembagaan bertulis
  - B. Perlembagaan tidak bertulis
  - C. Pindaan Perlembagaan Negeri
  - D. Pindaan Perlembagaan Persekutuan
3. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah dikuatkuasakan bermula pada tarikh berikut:
  - A. 31 Ogos 1969
  - B. 16 September 1963
  - C. 1 Julai 1948
  - D. 31 Ogos 1957
4. Terdapat beberapa unsur di dalam perlembagaan, antaranya seperti bahasa, agama, kewarganegaraan, hak istimewa bumiputera dan juga:
  - A. Hak asasi
  - B. Pendidikan
  - C. Ekonomi
  - D. Pekerjaan

5. Undang-undang Persekutuan atau Negeri boleh diisyiharkan sebagai tidak sah oleh mahkamah jika:
  - A. Undang-undang itu bercanggah
  - B. Undang-undang itu tidak diluluskan oleh Perdana Menteri
  - C. Undang-undang tersebut tidak diluluskan oleh Parlimen dan juga Yang di-Pertuan Agong
  - D. Undang-undang itu bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia sejauh manakah undang-undang itu bercanggahan
6. Sekiranya terdapat ahli-ahli perundangan yang cuba membangkitkan dan mempersoalkan isi kandungan Perkara 152 dalam Parlimen atau dalam mana-mana Dewan Undangan Negeri, beliau boleh juga didakwa di bawah:
  - A. Akta Kerajaan Tempatan 1976
  - B. Akta Rahsia Rasmi 1972
  - C. Akta Pencegah Rasuah 1961
  - D. ~~✓~~ Akta Hasutan 1948
7. Menurut Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan, orang Melayu ditakrifkan sebagai berikut, kecuali:
  - A. Seorang yang beragama Islam
  - B. Bertutur bahasa Melayu
  - C. Menetap dan bekerja di Persekutuan Tanah Melayu
  - D. Mengamalkan adat istiadat Melayu
8. Berikut merupakan perkara-perkara yang termasuk dalam soal hak keistimewaan orang Melayu sebagai kaum Bumiputera, kecuali:
  - A. Pelajaran
  - B. Lapangan Ekonomi
  - C. ~~✓~~ Perkhidmatan Awam Negeri dan Persekutuan
  - D. Pekerjaan dan Perindustrian
9. Malaysia pernah dijajah oleh penjajah British, justeru itu sebahagian besar sistem pemerintahan yang dijalankan di Malaysia mempunyai persamaan dengan sistem pemerintahan di Britain. Malaysia menggunakan sistem Parlimen seperti di Britain yang dikenali juga sebagai;
  - A. Manchester
  - B. ~~✓~~ Westminster
  - C. Manhetter
  - D. Warchesther

#### 10. Apakah peranan Perlembagaan?

- I. Sebagai sumber undang-undang tertinggi.

II. Sebagai garis panduan pembentukan undang-undang untuk rakyat dan pemerintah.

III. Sebagai alat untuk memastikan dewan parliment sentiasa mematuhi keperluan yang telah digariskan dalam perlembagaan.

IV. Sebagai rujukan kepada pemimpin dalam memerintah negara agar negara sentiasa aman dan harmoni terutama dalam keadaan negara berbilang kaum.

A. I dan II

B. I dan III

C. I dan IV

D. II dan IV

(11) Manakah antara berikut berkaitan dengan pindaan perlembagaan?

- I. Perubahan dan tambah baik perlembagaan.
  - II. Perubahan undang-undang negara dengan sokongan 2/3 ahli parlimen.
  - III. Perubahan seksyen dalam perlembagaan yang dimansuhkan.
  - IV. Perubahan dalam pelantikan pegawai kerajaan.  
  - A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan III
  - D. III dan IV

12. Perlembagaan Persekutuan boleh dipinda dan ia memerlukan:

- A. Sokongan majoriti 2/3 dalam Parlimen.
  - B. Sokongan majoriti 2/3 rakyat Malaysia.
  - C. Sokongan majoriti 2/3 Majlis Raja-Raja.
  - D. Sokongan majoriti 2/3 Dewan Negara.

13. Antara berikut, yang manakah **tidak** berkaitan dengan pengubalan Undang-undang?

- A. Kabinet
  - B. Kementerian
  - C. Yang di-Pertuan Agong
  - D. Jabatan Peguam Negara

14. Yang di-Pertuan Agong (YDPA) merupakan ketua agama Islam di negerinya dan termasuklah negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan tidak terkecuali juga bagi:
- A. Wilayah Persekutuan      C. Kedah  
B. Perlis      D. Negeri Sembilan
15. Biasanya Majlis Raja-Raja bertindak secara bersama dan persetujuan ramai dalam menentukan hal-hal mengenai agama Islam Persekutuan seperti menentukan tarikh penting seperti:
- A. Berbuka Puasa      C. Bermula puasa dan 1 Syawal  
B. Pilihan Raya      D. Tamat pemerintahan
16. Parti \_\_\_\_\_ merupakan usaha sama awal yang pertama yang memulakan gabungan beberapa parti politik yang mengamalkan konsep perkongsian kuasa atau pakatan politik.
- A. Perikatan      C. Pakatan Rakyat  
B. Pakatan Harapan      D. Barisan Nasional
17. Usaha mewujudkan negara bangsa bukan suatu yang mudah kerana terdapat pelbagai faktor yang perlu diambil kira. Berikut adalah faktor-faktor tersebut, **kecuali**:
- A. Kepelbagaian suku etnik      C. Gabungan wilayah  
B. Kesan keagamaan      D. Gabungan kerajaan
18. Pembinaan negara bangsa dapat dicapai melalui pelbagai pendekatan, termasuk penerapan nasionalisme melalui simbol dan ritual negara seperti;
- I. Lagu kebangsaan      III. Bendera Kebangsaan  
II. Perarakan Agama      IV. Perayaan Hari Kemerdekaan
- A. I sahaja      C. I, III dan IV  
B. II dan IV      D. Semua di atas
19. Permuafakatan berteraskan beberapa elemen penting dalam kalangan pelbagai parti politik yang menyertai gabungan membolehkan parti-parti membentuk kerajaan dan mengekalkan kuasa. Elemen-elemen tersebut adalah;
- I. Tolak ansur      III. Akomodasi  
II. Tawar menawar      IV. Konsensus
- A. I sahaja      C. I, III dan IV  
B. II dan IV      D. Semua di atas

20. Parti-parti berikut adalah berasal dari negeri Sabah, kecuali:

- A. Parti Demokratik Sabah
- B. Parti Liberal Demokratik
- C. Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
- D. Parti Tindakan Demokratik DAP

21. PAS terpaksa keluar daripada gabungan Barisan Nasional pada tahun 1977 atas sebab;

- A. PAS memperjuangkan agama Islam di Malaysia
- B. UMNO dan PAS tiada persefahaman politik
- C. Dasar PAS tidak boleh diterima oleh Umno
- D. Dasar UMNO tidak boleh diterima oleh PAS

22. Yang manakah di antara berikut **bukan** parti politik dari Sarawak?

- A. SUPP
- B. MACINDA
- C. PANAS
- D. USNO

23. Pada Pilihan Raya Umum ke-12 (8 Mac 2008), kebanyakan pengundi Melayu yang tinggal di luar bandar, kampung dan FELDA cenderung untuk memilih UMNO manakala pengundi Melayu bandar cenderung memilih...

25. Dalam konteks hubungan etnik, apakah yang dapat dirumuskan daripada keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) 1955 di mana parti Perikatan (UMNO, MCA & MIC) telah memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan?
- A. Etnik Melayu berpecah sesama sendiri.
  - B. Wujudnya kerjasama dan penerimaan antara satu sama lain dalam kalangan etnik serta pemimpin Parti Perikatan di Tanah Melayu
  - C. Bermulanya langkah-langkah ke arah kemerdekaan dan kerajaan sendiri.
  - D. Kerajaan tanah Melayu menjalankan sistem pentadbiran secara demokrasi.
26. Terdapat beberapa komponan atau ciri-ciri yang menjadi penentu sama ada sesebuah negara itu sudah ataupun belum mengamalkan demokrasi antaranya:
- I. Parti-parti politik
  - II. Pilihan raya
  - III. Perlembagaan negara
  - IV. Majlis perwakilan rakyat atau parlimen
- A. I, II, III
  - B. I, III, IV
  - C. II, III, IV
  - D. Semua di atas
27. Kejatuhan Parti Bersatu Sabah (PBS) telah membawa perubahan besar seperti berikut dalam scenario politik di Sabah:
- I. Jawatan Ketua Menteri akan mengikut giliran antara Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina.
  - II. Kejatuhan PBS melahirkan beberapa buah parti baharu seperti PBRS dan PDS.
  - III. UMNO berjaya menyatukan pelbagai etnik di Sabah.
  - IV. Barisan Nasional (BN) menjadi semakin lemah.
- A. I, II, III
  - B. I, III, IV
  - C. II, III, IV
  - D. Semua di atas

28. Bilakah Barisan Nasional (BN) ditubuhkan?

- A. 1964
- B. 1974
- C. 1984
- D. 1994

29. Berikut yang manakah **benar** tentang aspek demografi politik di Malaysia:

- I. Etnik Melayu dan Bumiputera adalah dominan.
- II. 125 kerusi parlimen majoriti Melayu.
- III. 33 kerusi parlimen adalah dari campuran pelbagai etnik.
- IV. Tiada kawasan parlimen, majoriti pengundi India.

- A. I, II, III
- C. II, III dan IV
- B. I, II, IV
- D. Semua di atas

30. Selepas kemenangan parti Perikatan dalam Pilihan Raya Umum 1955, seorang Ketua Menteri Tanah Melayu telah dilantik iaitu:

- A. Tun Razak Bin Hussin
- B. Tun Dr. Ismail Bin Abdul Rahman
- C. Tunku Abdul Rahman Putera al-Hajj
- D. Tun Hussein Bin Dato' Onn

31. Apakah yang dimaksudkan dengan Agama?

- A. Agama boleh ditakrifkan sebagai hubungan antara manusia dengan sesuatu kekuasaan luar biasa yang dianggap dapat memberikan perlindungan.
- B. Agama merupakan simbol identiti sesebuah kelompok sosial yang menjadikannya satu cara hidup .
- C. Agama membantu manusia untuk mengenal Tuhan, tetapi juga memberi kesejahteraan hidup.
- D. Dari perspektif Antropologi, agama merupakan set peraturan yang mengatur hubungan manusia dengan kuasa ghaib, khususnya dengan Tuhan.

- Agama merupakan keperluan dasar manusia.
- Warisan Kebudayaan.
- Agama merupakan elemen pengukuh ikatan persaudaraan.
- Faktor keselamatan.

32. Penyataan di atas bermaksud:

- A. Peranan Agama kepada kehidupan manusia.
- B. Definisi Agama.
- C. Sebab musabab manusia beragama.
- D. Ciri-ciri Agama.

33. Berikut merupakan peranan agama **kecuali**:

- A. Agama sebagai sumber nilai moral.
- B. Penyatuan.
- C. Kewujudan Tamadun.
- D. Keperluan Asas Manusia.

34. Ciri-ciri utama agama Islam boleh dilihat daripada aspek:

- A. Al-Quran dan As-Sunnah.
- B. Ekonomi, Politik, Sosial.
- C. Ijtihad, Ijmak , Qiyyas
- D. Hari Kiamat dan Qada dan Qadar.

35.

\* BUDDHA                  \* CONFUCIUS

Berdasarkan ajaran yang dibawa oleh dua tokoh di atas, apakah persamaan keduanya:

- A. Kedua-duanya merupakan agama ciptaan manusia.
- B. Agama-agama yang bersumberkan wahyu Tuhan.
- C. Jenis ajaran agama-agama Samawi.
- D. Agama utama yang berada di Malaysia.

36. Wujud **dua** (2) pendapat yang berbeza dalam membuat penggolongan agama oleh ahli akademik. Apakah pendapat tersebut ?

- I. Agama berperanan mendorong manusia untuk membina tamadun manusia.
  - II. Menganggap agama sebagai satu daripada unsur kebudayaan sesuatu masyarakat.
  - III. Agama membangunkan ikatan sosial dan menyatukan individu dengan individu yang lain
  - IV. Berpendapat bahawa agama terbahagi kepada dua, iaitu agama ciptaan manusia dan agama ciptaan Tuhan.
- A. I dan II.
  - B. I dan IV
  - C. II dan IV
  - D. Semua di atas.

37.

Hari Raya Aidiladha dikenali Hari Raya Korban atau hari Raya Haji, pada hari itulah umat manusia Islam disunatkan berkurban, iaitu menyembelihkan unta, lembu, kerbau, kambing atau biri –biri.

Bilakah perayaan ini disambut oleh umat Islam?

- A. 21 Ramadan.
- B. 10 Zulhijah.
- C. 11 Muharam.
- D. 1 Syawal

38.

Agama Buddha wujud berdasarkan kekerasan dan penindasan oleh golongan Brahman yang menyebabkan golongan lain bangkit menentang terutama golongan Kshatriya yang terdiri daripada anak-anak raja dan parajurit.

Siapakah pengasas agama Buddha?

- A. Siddhartha Gautama
- B. Putra Theravada
- C. Kshatriya Arya
- D. Brahhma Putra

39.

- Rig
- Yajur
- Sama
- Athar

Pernyataan di atas merujuk kepada:

- A. Tiga Permata
- B. Kitab Veda
- C. Mahzab Buddha Mahayana
- D. Buddha Theravada

40. Dalam agama Hindu, Sistem Kasta boleh dibahagikan kepada 4(empat) golongan iaitu:

- A. Samhita, Brahman, Aranyaka dan Upanishads.
- B. Veda, Undang- undang Manu, Mahabharata, dan Gita.
- C. Brahman, Kshatriya, Vaishya dan Shudra.
- D. Yoga Vasishtha, Ramayana, Sama Veda dan Samsita.

41. Terdapat **dua (2)** amalan penting di dalam Agama Kristian yang berlangsung di dalam Gereja iaitu:

- A. Krismas dan Easter
- B. Good Friday dan Easter
- C. Pembaptisan dan Eukaris
- D. Eukaris dan Krismas

42.

- Kesh
- Kangha
- Kara
- Kirpan
- Kachera

Kelima-lima simbol ini merupakan pakaian rasmi yang wajib dipakai sepanjang masa oleh ahli Persaudaraan Khalsa selepas menjalani upacara:

- A. Amrit Sanskar
- B. Guru Ka Langgar
- C. Granthi Sahib
- D. Guru Gobind

43. Pada bulan apakah Perayaan Vaisakhi disambut setiap tahun?

- A. Bulan Mei
- B. Bulan September
- C. ~~Bulan April~~
- D. Bulan Disember

44.

“Suatu istilah bagi mana-mana kepercayaan yang melibatkan pemujaan roh dan semangat alam semulajadi”

Pernyataan di atas merujuk kepada:

- A. ~~Konfucious~~
- B. Taoisme
- C. Kangha
- D. Animisme

45.

- Bosnia – Herzegovania vs Serbia
- Hindu vs Islam di India
- Tibet

Pernyataan di atas merujuk kepada berlakunya konflik yang berkaitan dengan:

- A. Konflik Ekonomi
- B. Konflik Sosial
- C. ~~Konflik Agama~~
- D. Konflik Pekauman

46. Dasar yang diamalkan oleh pihak British dalam kegiatan ekonomi mengikut etnik merupakan;

- A. *Top-down* dan *Bottom-up*
- B. Pecah dan Perintah
- C. Amalan Apartheid
- D. Ekonomi dan Sistem Sosial

47. Integrasi dalam konteks Malaysia merujuk kepada;

- A. Pemisahan atau pengasingan antara satu kumpulan etnik dengan yang lain.
- B. Proses mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan etnik.
- C. Ciri-ciri sosial yang dapat diterima dan diguna pakai.
- D. Proses kompleks yang boleh dicapai sekiranya ada persetujuan dan persefahaman.

48. Berikut merupakan faktor-faktor wujudknya konflik yang mencetuskan perpecahan dalam kalangan masyarakat:

- I. Kemahiran kerja
  - II. Taraf pendidikan
  - III. Kedudukan lokasi kelas
  - IV. Pendapatan
- 
- A. I, II dan III
  - B. I, III dan IV
  - C. II, III dan IV
  - D. Semua di atas

49. Kerajaan telah memperkenalkan beberapa dasar bagi menjaga keharmonian masyarakat dan menjurus kepada perpaduan kecuali:

- A. Dasar Wawasan Negara
- B. Dasar Sosial Negara
- C. Dasar Ideologi Negara
- D. Dasar Pembangunan Negara

50. Bahasa yang menjadi *lingua-franca* semasa zaman kegembiran pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka ialah;

- A. Bahasa Tamil
- B. Bahasa Melayu
- C. Bahasa Cina
- D. Bahasa Inggeris

51. Prinsip-prinsip yang dijadikan sebagai panduan bagi Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah;

- I. Nilai-nilai kesopanan dan kesusilaan
  - II. Berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini
  - III. Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar
  - IV. Islam menjadi unsur penting
- 
- A. I, II dan III
  - B. I, III dan IV
  - C. II, III dan IV
  - D. Semua di atas

52. Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai langkah untuk mengintegrasikan antara rakyat di Semenanjung dengan masyarakat di Sabah dan Sarawak, antaranya ialah:

- A. Perluasan sistem radio dan televisyen
- B. Penguatkuasaan undang-undang ke atas kebebasan bercakap, berhimpun dan tahanan preventif
- C. Penambahbaikan dalam sistem pendidikan
- D. Tidak mengabaikan kebudayaan sukuan

53.

“Lantikan tidak berdasarkan faktor agama, kaum dan budaya. Ini kerana Malaysia merupakan sebuah negara terdiri daripada pelbagai kaum dan agama”

Penyataan di atas merujuk kepada:

- A. Strategi Pembangunan Kawasan
- B. Strategi Kesukunan
- C. Strategi Penggunaan Tenaga Manusia
- D. Strategi Perpaduan dan Pertubuhan Sukarela

54. Pengamal media dituntut supaya lebih bertanggungjawab dan peka apabila menyentuh dan melaporkan perkara yang boleh menjelaskan perpaduan kaum supaya tidak dikenakan tindakan undang-undang yang terkandung dalam:

- A. Akta Penerbitan 1945
- B. Akta Mesin Cetak 1980
- C. Akta hasutan 1948
- D. Akta Kebebasan Bersuara 1984

55. Singkatan nama PANEL merujuk kepada;

- A. Penubuhan Panel Penasihat Negara
- B. Penubuhan Panel Penasihat Perpaduan Negara
- C. Penubuhan Panel Perpaduan Negara
- D. Penubuhan Panel Perpaduan dan Penasihat Negara

56. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai Sekolah Kebangsaan.

- A. Menitikberatkan Bahasa Melayu dan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa tambahan.
- B. Aktiviti kurikulum yang dijalankan diasingkan mengikut etnik masing-masing.
- C. Membantu menanam nilai-nilai perpaduan dalam kalangan warganegara Malaysia.
- D. Pelajar mengikut agihan peratusan yang telah ditetapkan berdasarkan jumlah kaum.

57. Membina dua atau tiga jenis sekolah rendah yang berlainan bahasa pengantar dalam satu kawasan merujuk kepada konsep:

- A. Sekolah Jenis Kebangsaan
- B. Sekolah Kebangsaan
- C. Sekolah Kluster
- D. Sekolah Wawasan

58. PLKN mengandungi beberapa modul yang dapat membantu memupuk perpaduan etnik, semangat patriotisme dan perwatakan positif kecuali:

- A. Modul Fizikal
- B. Modul Pembinaan Karektor
- C. Modul Khidmat komuniti
- D. Modul Komunikasi Antara-personal

59. X diperkenalkan sebagai langkah untuk membolehkan rakyat sendiri mengawal dan menjaga keselamatan kawasan kediaman mereka. X merujuk kepada:

- A. Skim Rukun Tetangga.
- B. Skim Kawalan Tetangga.
- C. Skim Keselamatan Setempat
- D. Skim Kawal Jaga

60. Etnik masing-masing mengambil berat akan budaya etnik yang lain, ini jelas ditunjukkan ketika mengadakan rumah terbuka seperti;

- A. Mengasingkan makanan halal dan haram tetapi diletakkan di atas meja yang sama.
- B. Pengelasan ruang bersosial mengikut etnik supaya tidak berlaku pergaduhan.
- C. Tidak menghidangkan daging lembu kepada etnik India apabila mereka berkunjung.
- D. Menghadkan masa kunjungan mengikut etnik.

~~Sila jawab soalan berikutnya~~

**BAHAGIAN B: (20 Markah)**

Jawab Semua Soalan di dalam buku jawapan yang sediakan.

1. Jelaskan maksud **akomodasi** serta cara perlaksanaannya di Malaysia.  
(4 Markah)
2. Berikan perbezaan antara **stereotaip** dan **prejudis** beserta satu contoh yang bersesuaian bagi perbezaan tersebut.  
(4 Markah)
3. Dasar Aparteid di Afrika Selatan merupakan salah satu contoh segregasi yang pernah berlaku di dunia. Apakah yang dimaksudkan sebagai segregasi dan bagaimana ia berlaku di Tanah Melayu semasa penjajahan British?  
(4 Markah)
4. Corak kependudukan semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka menjadikan titik pertemuan kepada pelbagai masyarakat yang wujud sehingga ke hari ini. Terangkan.  
(4 markah)
5. Terangkan konsep kesepaduan kaum yang saling melengkapi dan saling bergantung demi mewujudkan keharmonian dalam konteks hubungan etnik di Malaysia.  
(4 Markah)

**~~SOALAN TAMAT~~**

***Selamat Berjaya***

**Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong**

*[ This page is purposely left blank ]*